

Prof Asma mula tugas di USIM

Nilai: Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baru, Prof Dr Asma Ismail memulakan tugas selepas pelantikan beliau selama tiga tahun, berkuatkuasa 1 Disember lalu.

Asma yang dilahirkan pada Jun 1958 di Jitra, Kedah adalah lulusan Universiti Nevada, Reno, Amerika Syarikat (AS) dalam bidang biologi dan memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD) di universiti yang sama dalam bidang biologi selular dan molekul pada 1986.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana (Mikrobiologi) dari Universiti Indiana, Bloomington, AS.

Saintis Pelawat

Prof Asma memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Jabatan Perubatan Mikrobiologi dan Parasitologi, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada 1986 sebelum dilantik sebagai Saintis Pelawat di Universiti Tokyo pada 1989 dan Felo Pelawat di Kolej Perubatan, Hospital St Bartholomew, London pada 1992.

Sebagai saintis, Asma menjadi pakar dalam bidang mikrobiologi perubatan, mikrobiologi klinikal, perubatan bioteknologi dan pernah menerima lebih daripada 92 anugerah dan pengiktirafan peringkat nasional dan antarabangsa.



Profesor Dr Asma memulakan tugas di USIM baru-baru ini.